

FANDYI
Sanizan Jurup
(kanan)
bersama
Menteri Luar,
Datuk Seri
Anifah Aman
selepas
menghadiri
penyerahan
peserta
Program
Felo Perdana
kepada
Kabinet di
Putrajaya,
baru-baru ini.



Fandyi Sanizan sertai Felo Perdana

UM 6.8.2014 26

KOTA KINABALU 5 Ogos - Presiden Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Malaysia Sabah (UMS), Fandyi Sanizan Jurup mengharumkan nama universiti apabila terpilih untuk menyertai Program Felo Perdana bagi tahun 2014.

Menurut kenyataan UMS, kejayaan Fandyi Sanizan menempatkan diri antara 70 peserta daripada 1,400 penyertaan merupakan satu pencapaian yang membanggakan serta calon pertama dalam kalangan penuntut UMS yang terpilih menyertai program tersebut.

Kenyataan itu memberitahu, pemilihan dibuat berdasarkan prestasinya dalam bidang kepimpinan dan akademik, Fandyi Sanizan bakal ditugaskan di bawah Kementerian Luar.

"Fandyi Sanizan dijangka memulakan tugas Oktober ini sehingga April tahun depan, selain berpeluang disambung tugasannya di kementerian tersebut sekiranya menunjukkan perkhidmatan yang baik sepanjang tempoh berkenaan," katanya.

Peserta program Felo Perdana itu terdiri daripada penuntut Malaysia dari dalam dan

luar negeri seperti Michigan University, Melbourne University, Oxford University, selain penuntut dari Universiti Malaya (UM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan UMS.

Program Felo Perdana dirangka bertujuan melatih anak muda dalam bidang kepimpinan serta mendidik mereka memahami dasar dan pentadbiran negara.

Program itu juga melatih anak muda berkaitan selok-belok pentadbiran negara, di samping memberi peluang menyumbang idea kepada kerajaan dalam mengangkat aspirasi negara di peringkat antarabangsa.

Kesemua peserta Felo Perdana menerima watikah pelantikan daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sebelum berjumpa dengan menteri mentor masing-masing dalam majlis penyerahan rasmi peserta-peserta program Felo Perdana kepada Kabinet di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, baru-baru ini.